FUSPAWANGI BT. HASSAN

lwn.

CHOU HAU

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' HJ. WAN MOHAMED BIN WAN MUSTAPHA H.
[GUAMAN SIVIL NO. P. 1054-83]
1 DISEMBER 1992

TORT: Kemalangan jalanraya - Diantara basikal dan motorlori - Percanggahan versi kemalangan diantara plaintif dan defendan - Rajah kasar yang berkecuali - Pendapat mahkamah - Taksiran gantirugi.

Defendan, yang memandu sebuah motorlori, telah pada 1 Oktober 1982 melanggar plaintif, yang menunggang sebuah basikal, di Batu 9 $^{1}/_{2}$ Jalan Kelang - Banting. Plaintif mengatakan bahawa ianya dilanggar dari belakang setelah menyeberangi jalan dan berjalan di sebelah kiri jalan sejauh lebih kurang lima puluh meter. Plaintif juga berkata bahawa semasa dia dilanggar, dia berada lebih kurang satu kaki daripada tepi jalan di sebelah kiri jalan. Akibat daripada kemalangan tersebut plaintif telah mengalami kecederaan:

(a) Cerebral concussion (gegaran otak);
(b) Kepatahan tulang "pelvis involving the right ilium and the pubic rami on both sides" yang mengakibatkan kependekkan kepada kaki kanan sebanyak 2cm;
(c) Kepatahan tulang peha kanan;
(d) Intra Abdominal Injury; dan
(e) Several lacerations and scarring.

Defendan telah memberi keterangan bahawa dia melihat seorang perempuan menunggang basikal melintas jalan di hadapannya dari kanan ke kiri. Pada masa itu motorlori yang dipandu olehnya berada kira-kira dua puluh kaki sahaja daripada penunggang basikal itu. Beliau cuba mengelak dengan menekan berek tetapi tidak sempat mengelak daripada perlanggaran berlaku.

Rajah kasar yang disediakan oleh pegawai penyiasat tidak dapat membantu Mahkamah oleh kerana tiada kesan-kesan berek atau lain-lain tanda yang menunjukkan di bahagian mana jalan perlanggaran tersebut telah berlaku.

Diputuskan:

[1] Plaintif telah mula menyeberangi jalan dari kanan ke kiri sebelum perlanggaran berlaku.

[2] Perlanggaran itu berlaku di sebelah kiri jalan menghala ke Banting, iaitu di sebelah haluan motorlori itu, dan di mana plaintif telah hampir sampai di tepi sebelah kiri jalan untuk meneruskan perjalanannya ke arah Banting setelah menyeberang jalan dengan menyerong dari kanan ke kiri.

[3] Sekiranya defendan telah memandu motorlori dengan cermat dan perhatian yang sepenuhnya, perlanggaran itu mungkin dapat dielakkan atau sekurang-kurangnya perlanggaran yang seburuk itu dapat dikurangkan.

[4] Defendan dipertanggungjawabkan sekadar 75% manakala plaintif yang menyeberangi jalan dipertanggungjawabkan 25%.

[Tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos]

Kes-kes yang dirujuk:

Eng Ngak Hua & Yg. Ln. lwn. Ahmad Nordin bin Hj. Mazlan & Yg. Ln. [1987] 1 MLJ 241 ***(dirujuk)***

Mohandas s/o Lachiran lwn. Tahir bin Mat Yassin [1986] 2 MLJ, ccx ***(dirujuk)***

Eaip Teng Siyum lwn. Mohd. Noor bin Ibrahim & Yg. Ln. [1988] 21 MLJ, xxx ***(dirujuk)***

Yaakub Foong bin Abdullah @ Foong Chin Siew lwn. Lai Mun Keong @ Lai Mun & Yg. Ln. [1986] 1 CLJ 355 ***(dirujuk)***

Mohamed Shariff bin Hussian lwn. Saminan bin Ahmad Quantum in Accident Claims oleh K.S. Dass Vol.1, 454 ***(dirujuk)***

Wong Ah Fong lwn. Central Lorry Service Co. Ltd. & Yg. Ln. [1970] 1 MLJ 208 at p. 209 ***(dirujuk)***

Yoong Yat Kin & Yg. Ln. lwn. T.P.H. McKelvey Quantum in Accident Claims oleh K.S. Dass Vol. 1 839 ***(dirujuk)***

Choo Kwai Ngor lwn. Soo Kia Lim [1989] BLD, para 507 ***(dirujuk)***

Ang Teck Lye lwn. Lou Eng Loon [1991] BLD, para 63 ***(dirujuk)***

Lee Eng Beng & Anor. lwn. Thorairajah & Yg. Ln. lwn. Yeoh Ah Lee @ Yeoh Bok Lee [1989] 1 CLJ 967 ***(dirujuk)***

Official Administrator Malaysia & Yg. Ln. lwn. Chia Mun Fook [1989] 1 CLJ 985 ***(dirujuk)***

Chua Lek Choo & Yg. Ln. lwn. Mohd. Noor bin Ibrahim [1988] 2 MLJ, xxxi ***(dirujuk)***

Loh Gun Woh lwn. Yong Swee Hin & Yg. Ln. [1986] 1 MLJ, cxxxii ***(dirujuk)***

Seow Gek Soo @ Yeo Gek Soo (m.w.) & Yg. Ln. lwn. Chia Mun Fook [1989] 1 CLJ 985 ***(dirujuk)***

Hassan bin Mat Saman lwn. Tengku Mat @ Engku Mat b. Engku Nik & Yg. Ln. and Abdullah b. Hj. Daud & Government of Malaysia [1990] 1 CLJ 1136 ***(dirujuk)***
Leha bt. Said lwn. Ng Beng Choon [1990] BLD para 141 ***(dirujuk)***
Mohd. Pabillah bin Omar lwn. Lakhbir Singh [1988] 1 MLJ, xxxiii ***(dirujuk)***
Tay Peck Low lwn. Lim Ngo [1986] 1 MLJ xci ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif - P.L. Teh; T/n. Teh & Associates
Bagi pihak defendan - V.P. Nathan & Partners

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Wan Mohamed Bin Wan Mustapha H: Plaintif dalam kes ini menuntut gantirugi di atas kecederaan yang dialaminya akibat daripada kemalangan jalanraya yang berlaku pada 1 Oktober 1982, jam lebih kurang 6.30 pagi, di Batu 9 $^{1}/_{2}$ Jalan Kelang-Banting dalam Negeri Selangor. Plaintif pada masa yang berkenaan menunggang sebuah basikal apabila berlanggar dengan sebuah motorlori yang dipandu oleh defendan.

Saksi plaintif pertama yang sedang berjalan kaki di sekitar tempat kemalangan itu tidak melihat bagaimana perlanggaran itu berlaku. Sejurus sebelum perlanggaran berlaku beliau lihat beberapa orang perempuan menunggang basikal menghala ke arah Banting menyeberangi jalan dari kanan ke kiri dengan menyerong. Selepas itu saksi itu berkata ia terdengar perlanggaran di sebelah kiri jalan di hadapannya. Beliau pergi ke tempat kemalangan itu dan dapati plaintif terbaring di tengah-tengah jalan. Saksi ini menahan sebuah kereta untuk membawa plaintif ke Hospital Besar Kelang. Plaintif menyatakan yang ianya dilanggar dari belakang setelah menyeberangi jalan dan berjalan di sebelah kiri jalan sejauh lebih kurang 50 meter. Semasa beliau dilanggar katanya, beliau berada lebih kurang satu kaki daripada tepi jalan di sebelah kiri.

Mahkamah dapati bahawa plaintif telah terkeliru apabila beliau kata beliau ada membawa seorang pemboncing. Ini tidak benar oleh kerana sekiranya beliau membawa pemboncing nescaya pemboncing juga terlibat dalam kemalangan itu. Tiada apa soalan atau keterangan lain berhubung dengan pemboncing.

Plaintif memberi keterangan bahawa di antara penunggang-penunggang basikal yang menyeberangi jalan itu pada masa yang berkenaan, beliaulah yang di belakang sekali.

Defendan telah memberi keterangan mengatakan yang beliau melihat seorang perempuan menunggang basikal melintas jalan di hadapannya dari kanan ke kiri. Pada masa itu motorlori yang dipandu olehnya berada kira-kira dua puluh kaki sahaja daripada penunggang basikal itu. Beliau cuba mengelak dengan menekan berek tetapi tidak sempat mengelak daripada perlanggaran berlaku.

Semasa disoal balas, saksi ini mengatakan beliau mula-mula membelok ke kanan sedikit sebelum menekan berek.

Pegawai Penyiasat, saksi defendan yang pertama sampai di tempat kejadian pada jam 10.30 pagi. Rajah kasar yang disediakan olehnya tidak dapat membantu Mahkamah. Tiada kesan-kesan berek atau lain-lain tanda yang menunjukkan di bahagian mana jalan perlanggaran tersebut telah berlaku. Beliau juga tidak dapat memberitahu Mahkamah di bahagian mana basikal yang berkenaan telah rosak sungguhpun beliau telah memeriksanya.

Mahkamah terpaksa membuat pendapat di atas cakapan plaintif dan defendan dengan mengambilkira bahawa tiap-tiap satu pihak menyalahkan pihak yang lain. Mahkamah dapati fakta-fakta adalah seperti berikut:

(i) Plaintif menunggang basikal mula menyeberangi jalan dari kanan ke kiri sebelum perlanggaran berlaku.

(ii) Fakta yang dinyatakan oleh plaintif yang beliau telah berjalan sejauh 50 meter selepas menyeberangi jalan apabila beliau dilanggar dari belakang tidak boleh dipercayai oleh kerana dalam laporan polisnya (Exhibit "D1") beliau berkata:

> ... saya menyeberangi jalan daripada kanan ke kiri. Apabila saya hendak sampai di tepi kiri jalan hala ke Banting dengan tiba-tiba basikal yang saya naiki itu telah dilanggar daripada belakang...

Frasa yang berbunyi: "apabila saya hendak sampai di tepi kiri jalan" mempunyai makna bahawa apabila beliau hampir sampai di tepi kiri jalan, tetapi sebelum sampai sepenuhnya, perlanggaran itu berlaku.

(iii) Perlanggaran itu telah berlaku mengikut kata plaintif semasa ianya berada lebih kurang satu kaki dari tepi jalan sebelah

kiri, dan mengikut kata defendan semasa motorlorinya berada kira-kira dua kaki dari tepi jalan sebelah kiri. Ini bermakna bahawa perlanggaran itu berlaku di sebelah kiri jalan menghala ke Banting, iaitu di sebelah laluan motorlori itu, dan di mana plaintif telah hampir sampai di tepi jalan sebelah kiri jalan untuk meneruskan perjalanannya ke arah Banting setelah menyeberangi jalan dengan menyerong dari kanan ke kiri.

(iv) Sekiranya defendan telah memandu motorlori dengan cermat dan perhatian yang sepenuhnya, perlanggaran itu mungkin dapat dielakkan atau sekurang-kurangnya perlanggaran yang seburuk itu dapat dikurangkan.

Dalam keadaan yang tersebut di atas Mahkamah dapati defendan patut dipertanggungjawabkan sekadar 75% manakala plaintif yang menunggang basikalnya menyeberangi jalan dalam keadaan yang telah dinyatakan itu bertanggungan sekadar 25%.

Taksiran gantirugi

Kecederaan-kecederaan yang dialami oleh plaintif adalah seperti yang tersebut dalam laporan Dr. T. Kumar, di muka surat 6 dan 7 dalam "AB1", dan laporan Doktor Pakar seperti yang terdapat di muka surat 1 dan 2 dalam "AB2". Sungguhpun pihak plaintif telah membahagikan kecederaan tersebut kepada lapan item yang berasingan, Mahkamah berpendapat bahawa butiran gantirugi untuk plaintif dalam kes ini dihadkan kepada lima jenis kecederaan sahaja:

(1) Untuk ***cerebral concussion (gegaran otak)*** Mahkamah memberi gantirugi sebanyak RM3,000. Kes-kes yang dirujukkan oleh pihak plaintif dan defendan ialah:

(a) *Eng Ngak Hua & Ors. v. Ahmad Nordin bin Hj. Mazlan & Anor.* [1987] 1 MLJ 241.
(b) *Mohandas s/o Lachiran v. Tahir bin Mat Yassin* [1986] 2 MLJ, ccx.
(c) *Eaip Teng Siyum v. Mohd. Noor bin Ibrahim & Anor.* [1988] 2 MLJ, xxx.

(2) Untuk ***kepatahan (fractures)*** tulang "pelvis involving the right ilium and the pubic rami on both sides" yang mengakibatkan kependekkan kepada kaki kanan sebanyak 2 cm, dan mengakibatkan plaintif tidak boleh beranak dengan jalan atau cara biasa bahkan terpaksa dibedah jika plaintif memperolehi anak.

Pihak plaintif menyarankan supaya RM25,000 diberi dan merujukkan kes-kes:

(a) *Yaakub Foong bin Abdullah @ Foong Chin Siew v. Lai Mun Keong @ Lai Mun & Anor.* [1986] 1 CLJ 355.
(b) *Mohamed Shariff bin Hussain v. Saminan bin Ahmad* [1969], Quantum in Accident Claims by K.S. Dass, Vol. 1 454 .
(c) *Wong Ah Fong v. Central Lorry Service Co. Ltd. & Ors.* [1970] 1 MLJ 208 at p. 209 [1969].
Quantum in Accident Claims by K.S. Dass, Vol. 1 478.
(d) *Yoong Yat Kin & Ors. v. T.P.H. McKelvey* [1970] Quantum in Accident Claims by K.S. Dass, Vol. 1, 839.

Pihak defendan menyarankan RM15,000 dan rujukkan dibuat kepada kes-kes:

(i) *Choo Kwai Ngor v. Soo Kia Lim* [1989] BLD, para 507.
(ii) *Ang Teck Lye v. Lou Eng Loon* [1991], BLD, para 63.

Mahkamah berpendapat untuk kecederaan ini gantirugi sebanyak RM25,000 adalah munasabah.

(3) ***Kepatahan tulang peha (femur) kanan***, Mahkamah berpendapat RM8,000 adalah mencukupi. Kes-kes yang dirujukkan oleh kedua pihak adalah seperti berikut:

(a) *Lee Eng Beng & Anor. v. Thorairajah & Ors.* [1987] 1 MLJ 121.
(b) *Official Administrator Malaysia & 4 Ors. v. Yeoh Ah Lee @ Yeoh Bok Lee* [1989] 1 CLJ 967.
(c) *Seow Gek Soo @ Yeo Gek Soo (m.w.) & Anor. v. Chia Mun Fook* [1989] 1 CLJ 985.
(d) *Chua Lek Choo & Anor. v. Mohd. Noor bin Ibrahim* [1988] 2 MLJ, xxxi.
(e) *Loh Gun Woh v. Yong Swee Hin & Anor.* [1986] 1 MLJ, cxxxii.

(4) ***Intra Abdominal Injury***

Pihak plaintif telah membahagikan item ini kepada empat. Mahkamah berpendapat bahawa gantirugi untuk ini dijadikan satu item sahaja sebagaimana yang disenaraikan oleh Dr. T. Kumar dengan mengambil kira huraian yang dibuat oleh Doktor Pakar dalam "AB2". Dengan mengambil kira juga kecacatan-kecacatan yang terdapat:

(i) Parut akibat daripada pembedahan laporotomy.
(ii) Fallopian tube sebelah kiri telah rosak dan dibuang - mungkin mengakibatkan peluang mengandung untuk plaintif berkurangan.
(iii) Lacerations over both ovaries with haermorrhage and a large retroperitoneal haematoma.

Saranan yang dibuat oleh kedua-dua pihak adalah tidak munasabah dan Mahkamah membuat keputusan untuk abdominal injuries sebagaimana yang dinayatakan oleh doktor dan Doktor Pakar dalam kes ini. Gantirugi sebanyak RM44,000 adalah munasabah.

(5) ***Several Lacerations and Scarring***

Pihak plaintif menyarankan RM8,000 dan merujuk kepada kes-kes:

(a) *Seow Gek Soo @ Yeo Gek Soo (m.w.) & Anor. v. Chia Mun Fook* [1989] 1 CLJ 985.
(b) *Hassan bin Mat Saman v. Tengku Mat @ Engku Mat b. Engku Nik & Anor. and Abdullah b. Hj. Daud & Government of Malaysia* [1990] 1 CLJ 1136.

Pihak defendan menyarankan RM5,000 dan merujuk kepada kes-kes:

(i) *Leha bt. Said v. Ng Beng Choon* [1990] BLD, para 141.
(ii) *Mohd. Pabillah bin Omar v. Lakhbir Singh* [1988] 1 MLJ, xxxiii.
(iii) *Tay Peck Low v. Lim Ngo* [1986] 1 MLJ xci.

Mahkamah dapati RM8,000 adalah berpadanan.

Jumlah	RM88,000
Tolak Pertindehan 10%	RM 8,800
Jumlah	RM79,200

Untuk gantirugi khas Mahkamah dapati saranan plaintif untuk diberi sebanyak RM602 adalah munasabah dan disokong dengan resit-resit yang telah dipersetujui. Oleh itu Mahkamah memberi gantirugi khas sebanyak RM602.

Jumlah-jumlah yang tersebut di atas berdasarkan kepada 100% tanggungan.

Perintah

Defendan bertanggungan (liable) sekadar 75%. Oleh itu defendan hendaklah membayar kepada plaintif jumlah-jumlah wang seperti berikut:

(1) (a) Gantirugi khas sebanyak RM451.50, dan
(b) Gantirugi am sebanyak RM59,400.

(2) (a) Faedah di atas kadar 4% setahun untuk gantirugi khas mulai tarikh kemalangan hingga hari ini dan 8% setahun dari hari ini hingga tarikh pembayaran.
(b) Faedah di atas kadar 8% setahun untuk gantirugi am mulai tarikh penyerahan writ hingga tarikh pembayaran.

(3) Kos yang akan ditaksirkan oleh Penolong Kanan Pendaftar.